

Headline	Sumbangan rimbawan ITM melestari khazanah hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Aug 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	289 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,400



# Sumbangan rimbawan ITM melestari khazanah hutan

Oleh **MOHD ZUBER ZAIN**

PADA tahun 1960-an apabila disebut Maktab RIDA di Jalan Othman lazimnya tergambar dalam minda bidang pengajian yang ditawarkan adalah kursus-kursus peringkat sijil dan diploma dalam bidang steno, setiasaha pejabat, perniagaan, perakuman, perhotelan dan sebagainya.

Hasil kajian kerajaan dengan bantuan pakar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1965 mendapati masalah kekurangan tenaga kerja profesional dan teknikal khususnya dalam kalangan kaum Bumiputera maka dicadangkan Maktab RIDA dinaik taraf untuk melatih lebih ramai Bumiputera dalam bidang-bidang yang defisit tersebut.

Maka tertubuh Institut Teknologi MARA (ITM) oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada tahun 1967 dan tanah seluas 300 ekar diperuntukkan oleh kerajaan Selangor di Padang Jawa (sekarang Shah Alam) untuk membina kampus induk.

Berdasarkan kajian PBB itulah ITM mempelbagaikan kursus-kursus pengajian yang ditawarkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang sains dan profesional seperti kejuruteraan, arkitek, sains gunaan, sains perpustakaan, sebaran am, undang-undang dan sebagainya.

Pada akhir 1960-an diperkenal lagi kursus sains perhutanan, perkayuan, perladangan dan veterinar di peringkat diploma bagi menampung kekurangan tenaga mahir dalam bidang-bidang tersebut.

Dalam upaya meningkatkan lagi golongan Bumiputera dalam industri hutan, perladangan dan perkayuan, pihak ITM telah mengadakan kerjasama strategik dengan Jabatan Perhutanan dan sebuah agensi PBB iaitu UNDP/FAO iaitu agensi latihan yang menyediakan bantuan kewangan dan tenaga pensyarah.

Melalui kolaborasi ini program Diploma Perhutanan ITM dilaksanakan pada 1968 di Maktab Perhutanan yang dibina di dalam kawasan Pusat Penyelidikan Perhutanan (FRIM) di Kepong. Maktab ini telah dirasmikan pada 1973 oleh Allahyarham Tun Razak.

Kampus Maktab Perhutanan ini terletak bersebelahan Sekolah Perhutanan yang dibina pada 1926 oleh pihak Kolonial Inggeris untuk melatih pekerja awam dalam Jabatan Hutan termasuk buruh hutan, forester dan renjer hutan. Kedudukan Maktab Perhutanan dalam kawasan hutan FRIM seluas 544 hektar yang ditubuhkan pada 1918 menyediakan khazanah hutan simpan dan hutan ladang yang luas, termasuk kawasan taman pokok

hutan (arboretum), taman herba, simpanan awet koleksi serangga hutan, koleksi jenis-jenis kayu, rotan dan buluh di samping bekalan tenaga penyelidik dan pakar perhutanan, semua ini membantu ITM melahirkan graduan yang bukan sahaja menguasai ilmu perhutanan secara tuntas malah mereka juga terdedah kepada pengajian praktikal di pelbagai jenis hutan seperti hutan pamah, hutan bukit, hutan paya dan hutan bakau.

Pada 1971 program Diploma Perhutanan telah melahirkan graduan yang pertama dan seterusnya pada 1978 mengeluarkan graduan yang terakhir apabila kerajaan memutuskan pengajian sumber alam seperti perhutanan dan veterinar dipindahkan ke UPM Serdang. Selama 10 tahun (1968 - 1978) wujudnya program diploma perhutanan ini dianggarkan ITM telah melahirkan lebih 300 orang graduan Rimbawan, potensi akademik graduan ITM diserlahkan apabila sekitar 100 orang menyambung pelajaran di peringkat ijazah dan 30 orang daripada mereka telah meneruskan pengajian ke tahap sarjana dan PhD dalam bidang pengurusan sumber alam dan pulang menjadi pensyarah universiti dan pakar penyelidik FRIM.

Majoriti graduan telah memberi sumbangan kepakaran dalam pentadbiran hutan, konservasi mergastua dan pengawalan mutu kayu eksport di sektor awam seperti Jabatan Perhutanan, FRIM, Jabatan Perhilitan dan Timber Board. Sebilangan mereka menyertai sektor swasta dalam syarikat pembalakan, perkayuan dan perladangan seperti Sime Darby, Guthrie, Tradewind, TH Plantation dan sebagainya. Selama lebih 30 tahun berkhidmat kini ramai daripada mereka telahpun bersara dalam karier masing-masing setelah memberi sumbangan dan kepakaran yang bermakna kepada negara.

Pada tahun ini genaplah 40 tahun sambutan perasmian Kolej Perhutanan oleh Tun Razak pada tahun 1973. Sempena itu, alumni program Diploma Perhutanan ITM akan berkumpul semula esok dalam majlis mensyukuri kejayaan program dengan mengadakan sambutan perjumpaan di kampus lama yang kini dinamakan Unit Latihan Perhutanan (FORTRAIN) Jabatan Perhutanan.

Perjumpaan semula (reunion) ini selain merapatkan silaturrahim akan juga bercahaya menerbitkan sebuah buku khas mendokumentasi sumbangan graduan ITM selaku rimbawan dalam melestari hutan dan mengurus sumber alam.

**MOHD ZUBER ZAIN** ialah graduan Diploma Perhutanan 1978.